

04 SEP 2002  
MSC-PUSAT/I  
MSC LANCAR PUSAT KECEMERLANGAN BARU

CYBERJAYA, 4 Sept (Bernama) -- Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC) akan mempertingkatkan kelebihan daya saingannya dengan kewujudan pusat-pusat kecemerlangan yang akan dilancarkan tidak lama lagi iaitu Pusat Perdana MSC dan Pusat bagi Inovasi Kesihatan dan Perusahaan Perubatan (CHIME).

Pusat-pusat kecemerlangan yang berharga hampir RM4 juta ini dijadual dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat ini.

Pusat Perdana MSC terdiri daripada Makmal MSC dan Pusat Aplikasi Kreatif dan Pembangunan (CADC), demikian menurut pegawai-pegawai Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Naib-naib presiden kanan MDC Datuk Dr Mohamad Arif Nun dan Sarina Karim berkata, makmal dan CADC itu akan berfungsi sebagai pusat-pusat kecemerlangan bagi pembayangan pembangunan kandungan kreatif dan sebagai pusat pameran dan ujian bagi Aplikasi Perdana MSC.

Dr Arif berkata, "Ia dijangka mempercepatkan lagi pembangunan MSC dengan pewujudan sebuah pusat inovasi global yang memanfaatkan dan menyepadukan kreativiti dan teknologi."

Katanya, Makmal MSC bertujuan menyediakan wadah bagi mempamer dan memasarkan penyelesaian-penyelesaian MSC seperti Aplikasi Perdana serta untuk mempermudah pelaksanaan program e-inovasi.

Menurut beliau, MDC sedang bekerjasama erat dengan Media Plaza dari Netherlands untuk memajukan program e-inovasi.

Menyentuh tentang komponen CADC, beliau berkata bahawa CADC akan memberi tumpuan kepada usaha mempercepatkan pembangunan industri multimedia yang berinovasi dan kreatif di Malaysia.

Ia akan menyediakan kemudahan berpusat bagi perkhidmatan pemprosesan data dan pembayangan termasuk perangkaan dengan pusat-pusat maya lain bagi memenuhi keperluan pelbagai industri dan pelbagai aplikasi.

Kemudahan di CADC merupakan Pusat Realiti Maya MSC. Kemudahan ini akan membolehkan pengguna memahami dengan lebih mendalam mengenai reka bentuk kejuruteraan, kajian simulasi, pemodelan kompleks dan pelbagai aplikasi saintifik, kesihatan, pendidikan dan hiburan yang lain.

Kemudahan ini diupayakan oleh teknologi Silicon Graphics Inc (SGI) berikutan pemeteraian kontrak berharga AS\$5.6 juta dengan SGI.

SGI mempunyai rekod pencapaian dalam membantu Hollywood mencipta banyak gambaran grafik komputer dan animasi digital dalam filem seperti Lord of the Rings, Star Wars dan filem animasi Disney.

Sementara itu, Sarina berkata bahawa CHIME berhasrat mewujudkan pusat kecemerlangan dalam MSC bagi inovasi tele-kesihatan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Katanya, fasa satu CHIME telahpun siap manakala keseluruhan pusat dijadualkan siap menjelang akhir tahun ini.

Sarina berkata, CHIME boleh menempatkan di antara enam dan lapan perusahaan penjagaan kesihatan.

Penyewa pertama CHIME ialah Stem Life Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan yang terbabit dalam aplikasi sel batang pokok dan diagnosis molekul.

Katanya, bakal-bakal penyewa lain termasuklah syarikat-syarikat yang menceburi bidang pengawasan kesihatan, peralatan perubatan, rekabentuk ubat, pengurusan kesihatan peribadi dan genomik. -- BERNAMA

LES SHY KY OS

